

Sarah pernah kena halau

Jaguh lompat tinggi wanita ucap terima kasih kepada jurulatih

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Saya hanya budak kampung!"

Itu antara ungkapan jaguh lompat bergalah wanita dalam pembikinan, Nor Sarah Adi ketika perbualan yang secara tidak langsung menunjukkan karakternya yang bak kata peribahasa Melayu 'ikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi'.

Sarah yang berasal dari Fel-da Jengka 3, Pahang tampak tenang ketika berkata-kata walaupun namanya kini menjadi sebutan selepas melakukan kejutan dengan memenangi pingat emas di Sukan SEA Hanoi, baru-baru ini.

Pelajar jurusan komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, kehidupannya sewaktu kecil sama seperti kanak-kanak di kampung yang gemar bermain dan siapa sangka bakatnya mula dikesan pada zaman persekolahan oleh jaguh lompat bergalah wanita, Roslinda Samsu.

Bermula dengan berjinak-jinak dalam larian, Roslinda yang pernah meraih empat emas berturut-turut di Sukan SEA dari 2005 di Filipina 'tertarik' dengan bakat dimiliki Sarah dan mahu atlet yang kini berusia 22 tahun itu mencuba lompat bergalah - acara balapan yang kurang diminati dan digemari berbanding trek - sebelum memasuki Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) bermula pada tingkatan tiga.

"Saya budak kampung, bermain tengah panas," kata Sarah.

"Masa sekolah rendah, darjah empat saya sama seperti orang lain juga, menyertai sukan sekolah, Sukan MSSD (Maj-



Sarah meraikan kejayaan memenangi emas lompat bergalah di Sukan SEA Hanoi.

lis Sukan Sekolah Daerah), MSSP (Majlis Sukan Sekolah Pahang) dan selepas itu pada tingkatan dua, 'coach' Linda datang berjumpa saya.

"Dia tanya 'nak cuba tak main lompat bergalah sebab saya tengok kamu macam berpotensi. Saya pun masa itu masih budak-budak, tentunya nak dan macam seronok main lompat bergalah'.

"Selepas itu, sewaktu Tingkatan Tiga, saya dimasukkan ke Sekolah Sukan Malaysia Pahang tetapi saya mula berlatih lompat bergalah pada Tingkatan Empat dan Tingkatan Tiga itu main semua acara.

"Sehingga 2019, 'coach' Linda sambung belajar di Jerman dan saya bertukar ke Sekolah Sukan Bukit Jalil dan berlatih bersama 'coach' Teh (Weng Chang) sehingga sekarang untuk lompat bergalah. Disebabkan dua tahun tanpa kejohanan, jadi dari Bukit Jalil saya ke UPM (Universiti Putra Malaysia) untuk sambung pelajaran.

"Mujur di UPM saya dapat meneruskan latihan dan apabila hujung tahun lalu ketika acara lompat bergalah tak dipertandingkan lagi di waktu rakan-rakan lain sudah mula bertanding maka jurulatih di sana ajak saya

menyertai acara 100 meter (m) dan lompat jauh. Paling tidak di situ, saya dapat merasai semula perasaan menyertai pertandingan.

"Bermula dari situ, jurulatih dapat merasakan yang saya boleh pergi dalam acara pecut sehingga saya layak menyertai 4x100m dan lompat bergalah bagi merasai

pengalaman di Sukan SEA," katanya yang begitu terutang budi dengan jasa disumbangkan Roslinda walaupun ketika di SSMP, dia banyak menimbulkan 'masalah' dengan jurulatihnya itu.

"Saya suka mengusik kawan. Walaupun nakal, saya masih memikirkkan matlamat. Di Gambang (SSMP) dulu, saya banyak

Nor Sarah Adi

Tarikh lahir: 20 Ogos 2000
(22 tahun)

Tempat lahir: Hospital Jengka, Pahang

Adik beradik: 4 daripada 7 adik beradik

Sekolah rendah: Sekolah Kebangsaan Jengka 3
Sekolah menengah: Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 2, Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Sekolah Sukan Bukit Jalil

Universiti: Universiti Putra Malaysia

Jurusan: Sarjana Muda komunikasi (penyiaran)

Pencapaian:

Lompat bergalah
2018: Gangsa - 3.30m (SUKMA Perak)
2019: Perak - 3.40m (Kejohanan Kebangsaan)
2020: Perak - 3.50m (Kejohanan Olahraga FTKLAA)
2021: Emas - 3.60m (Kejohanan Kebangsaan)
2022: Emas - 4.00m (Sukan SEA Hanoi)
2022: Gangsa - 4x100m (Sukan SEA Hanoi)


'bergaduh' dengan coach Linda. Dia jurulatih saya dan juga warden sekolah dan apa-apa yang berlaku, memang saya yang kena dulu.

"Namun ketika latihan, saya tak pernah ponteng. Walaupun dia 'merajuk' dan kata 'kau jangan berlatih, pergi balik dan tak payah berlatih dengan aku', tetapi saya tetap turun berlatih. Walaupun seminggu tak layan saya, tapi seminggu juga saya tetap turun berlatih. Tak seperti yang lain, kalau kena halau, tentunya tak turun.

"Namun saya tetap turun, kalau kena halau, saya tetap berlatih tak kiralah di mana walaupun di belakang rumah dia sekali pun," tambah Sarah lagi.

Sarah mencipta kejutan di Stadium My Dinh, Hanoi apabila memenangi emas dengan lompatan 4 meter (m) dan membantu kuartet 4x100m wanita meraih gangsa dengan catatan 45.32 saat (s) biarpun dihipit kekangan tempoh latihan yang terhad dan kecederaan belakang.

Begitupun, semangatnya tidak pernah luntur untuk membuktikan kemampuannya dalam acara lompat bergalah yang sebelum ini ada antara kenallannya memandang rendah kemampuannya.



Sarah (kiri) bersama Roslinda.